

Pendigitalan sektor kesihatan awam perlu diutamakan

Kementerian Kesihatan (KKM) boleh dianggap berjaya dalam pengurusan bencana dan pandemik yang kini memasuki gelombang ketiga. Pun begitu, premis kesihatan dalam negara ini ternyata masih kurang dari segi pengalaman pendigitalan di setiap sudut kerjanya.

Sebagai contoh, sistem pendaftaran pesakit luar dan dalam di mana-mana hospital dan klinik kesihatan masih mengekalkan cara lama, iaitu mendaftar menggunakan kad pengenalan fizikal di kaunter.

Sistem rekod perubatan untuk warganegara juga masih dianggap ketinggalan zaman, di mana pesakit yang mempunyai rekod kesihatan di premis KKM hanya dibekalkan kad atau buku rekod kesihatan tertera nama mereka.


Bayangkan, jika bilik stor rekod terbakar atau dilanda banjir, semua buku dan kertas rekod musnah, apa akan jadi kepada catatan kesihatan rakyat negara ini?

Sudahlah masih banyak sistem canggih belum diwujudkan di premis kesihatan milik kerajaan, lebih malang lagi integrasi pun masih tiada.

Rasanya cuma ada satu sahaja sistem digital yang ketara digunakan, iaitu sistem nombor giliran, yang lain masih peringkat normal serba serbi.

Sebenarnya ini satu barah untuk pengurusan dalam KKM. Semakin lama dibiarkan, sudah tentu semakin mahal kos untuk mewujudkannya pada masa akan datang.

Dalam hal ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, sudah lama sedar dan cuba bertindak. Namun, mungkin akibat diserang COVID-19 tanpa henti, fokus untuk me-

 **Sudah tiba masanya jentera kerajaan merancang lebih jauh, tidak bergantung kepada pembekal IT semata-mata. Bukankah kita ada MIMOS Berhad dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang mampu memenuhi pelbagai keperluan dan rakyat?**

nyelamatkan nyawa rakyat perlu diberi perhatian terlebih dahulu, sebelum beralih kepada lain-lain transformasi dalam sektor kesihatan.

Walau dalam pengurusan digital kurang mampan, Dr Adham berazam dan mengakui sistem penjagaan kesihatan bersepadu akan menyediakan penjagaan kesihatan terbaik kepada rakyat Malaysia dengan berkesan dan cekap.

Proses digitalisasi dapat memainkan peranan penting dalam mencapai kelestarian kewangan. Jika dilengah lagi, pasti kerajaan terpaksa berbelanja lebih besar di hari kemudian.

Sekarang pun kita sudah berbelanja berbilion ringgit hanya untuk hak cipta, idea dan sistem sahaja. Yang sebenarnya ia bukanlah kos ideal, kerana harga boleh diletak mengikut selera hati mereka yang memonopoli bidang ini.

Sebenarnya, kita sudah ada kabel optik fiber berkapasiti sangat tinggi. Namun, kita dimomokkan bahawa apa yang kita ada itu tidak mampu berfungsi secara dua hala. Jika mahu juga berfungsi, kena tambah lagi kos.

Sedar tak sedar kita sudah banyak rugi hasil tekanan peniaga dan pembekal sistem teknologi maklumat (IT) yang sengaja menaikkan harga mengikut selera sendiri.

Sudah tiba masanya jentera kerajaan merancang lebih jauh, tidak bergantung kepada pembekal IT semata-mata.

Bukankah kita ada MIMOS Berhad dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang mampu memenuhi pelbagai keperluan dan rakyat?

Ketika MIMOS ada potensi membangunkan teknologi awan (cloud), ada pula syarikat kerajaan mengambil jalan berbeza menandatangani perjanjian kerjasama dengan syarikat swasta. Sedangkan kerahsiaan data mestilah dilindungi, bukan semudah itu akses data diberi kepada rakan niaga daripada luar.

Pelbagai sabotaj boleh berlaku jika ada perbezaan pendapat, walaupun hanya kerana emosi dua individu di dalam sesuatu hal. Akibatnya sangat besar, kerajaan rugi berbilion, rakyat pula tidak dapat manfaat daripada teknologi tertinggi.

Kini, tiba masa untuk kita berani mengkaji balik semua langkah dan agenda yang dilakukan dan sampaikan masa melaksanakannya dengan lebih cekap, berkesan dan terbaik.

**Ibn Saad,
Putrajaya**